

31/07/1997

Di mana Botswana?

Zainuddin Ayip

"BOTSWANA!, di mana tu. Apa yang ada di sana? Itulah pertanyaan dari seorang teman ketika saya memberitahu akan pergi membuat liputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkunjung ke negara itu, Mei lalu.

Selepas membuka peta dunia, barulah saya maklum negara itu terletak di utara Afrika Selatan, timur Zambia, selatan Zimbabwe dan di baratnya Namibia.

Apabila menjejakkan kaki ke negara itu, jelaslah bahawa Botswana masih mundur dan jauh ketinggalan, bagaikan Malaysia pada tahun 1950-an. Ibu negaranya, Gaborone kecil saja. Lebih 80 peratus buminya diliputi padang pasir Kalahari.

Dalam penerbangan pulang, saya insaf dan bersyukur, alangkah bertuahnya mendiami bumi Malaysia yang aman, damai dan tiada masalah makanan."